



Peserta program ketika lawatan di Empangan Klang Gates.

Tingkat kecekapan pegawai hadapi bencana alam

KUALA LUMPUR - Seramai 100 pegawai daripada 20 agensi kerajaan buat pertama kalinya didedahkan dengan pengurusan bencana alam sebagai langkah meningkatkan kecekapan dan tahap siap siaga menghadapi bencana alam di ibu negara, baru-baru ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio-

Ekonomi) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Nor' Aini Abd Wahab berkata, ia mengambil kira kejadian banjir kilat yang sering berlaku di Kuala Lumpur.

"Peserta didedahkan dengan pengurusan Pusat Kawalan Smart serta Empangan Klang Gates mengurus amaran banjir serta sistem pengesanan dengan cepat dan berkesan.

"Ia bagi mengurangkan kejadian banjir kilat, kesesakan lalu lintas dan seterusnya memberi maklumat kepada pengguna jalan raya di pusat bandar," katanya.

Menerusi program ini, maklumat dapat disebarluaskan kepada orang ramai dengan lebih tepat kerana sebelum ini mereka hanya terdedah dalam bentuk taklimat semata-mata.